

Ulama songsang punca Islam berpecah — PM

UM 3 APR 2002

KUALA LUMPUR 2 April — Perdana Menteri berkata, perpecahan yang terdapat dalam Islam adalah disebabkan oleh ulama songsang yang membuat tafsiran agama yang salah tetapi tidak mahu menerima teguran.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebaliknya ulama songsang ini boleh menegur ulama yang tidak sependapat dengan mereka bahkan memanggil ulama lain sebagai 'barua'.

Perdana Menteri kesal kerana perbuatan mereka memperlekehkan ulama lain itu tidak pula dianggap sebagai bersikap anti-ulama, anti-Islam dan kafir.

"Mereka hendak supaya mereka dianggap ulama pewaris Nabi yang tidak boleh ditegur walaupun mereka mengutuk ulama lain.

"Mereka tidak menerima bahawa mereka anti-ulama apabila me-

"Jika mereka ditegur maka mereka akan melenting dan menuduh sesiapa yang menegur mereka sebagai anti-ulama, anti-Islam dan kafir," katanya.

Ketika menjawab soalan tambahan Fadzil sama ada ucapannya di New York itu ibarat 'meludah ke muka sendiri' kerana dalam UMNO juga terdapat golongan ulama dan bahawa kenyataan itu telah menyinggung pemerintah Iran yang merupakan ulama, Dr. Mahathir berkata, ucapannya di New York itu tidak menyinggung mana-mana negara Islam atau sesiapa pun cuma pemimpin Pas sahaja yang tersinggung.

Bahkan, kata Perdana Menteri, ramai pemimpin negara Islam yang hadir pada forum tersebut yang menyokong ucapannya dan dalam hubungan ini, beliau tidak mengharapkan sokongan daripada

FM) Mengenai Keganasan semalam jelas membuktikan kerajaan tidak menyokong orang lain kerana mereka adalah kuasa besar tetapi kerana kebenaran.

"Saya belum kena perangkap oleh sesiapa bahkan Malaysia diiktiraf oleh dunia sebagai satu-satunya negara yang sanggup menegur sesiapa saja yang membuat salah termasuk kuasa besar," katanya.

Menjawab soalan tambahan **Datuk Mohd Ali Hassan (BN-Teberau)** mengenai ulama songsang, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak perlu menunjuk dengan jari golongan ulama yang dikatakan songsang.

Ketika itu beberapa ahli Parliamen Pas mendesak Perdana Menteri menunjuk siapa yang dimaksudkan oleh Dr. Mahathir seba-

reka mengecam dan memaki ulama lain," katanya ketika menjawab soalan **Datuk Fadzil Noor (Pas-Pendang)** pada sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Ketua Pembangkang itu dalam soalnya meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada ucapannya pada Forum Ekonomi Sedunia di New York baru-baru ini menggambarkan sikap Kerajaan Malaysia atau pandangan peribadi Dr. Mahathir.

Perdana Menteri menegaskan, ucapan beliau itu bukan antiulama tetapi ditujukan kepada ulama yang berkepentingan dan ulama yang memecahbelahkan umat Islam.

Ucapan beliau itu juga, jelas Dr. Mahathir bersifat antiulama song-sang yang suka memaki hamun ulama lain dan memanggil mereka baru dan dengan sewenang-wenangnya mendakwa orang lain sebagai antiulama.

Perdana Menteri berkata, apabila teguran dibuat terhadap golongan ulama yang berpolitik dan ulama yang gila kuasa, maka mereka akan mendakwa bahawa pengkritik berkenaan adalah antiulama.

Kata Dr. Mahathir, walaupun yang menegur ulama song-sang mengiktiraf ulama lain yang tidak berkepentingan dan ulama-ulama yang terkenal dan diiktiraf dalam sejarah Islam, ulama songsang ini tetap mendakwa sesiapa yang menolak mereka sebagai antiulama dan anti semua ulama.

Beliau berkata, ulama yang mempunyai kepentingan tertentu kerap membuat tafsiran agama untuk menyokong kepentingan politik mereka.

parti pembangkang di negara ini.

Beliau turut tidak bersetuju dengan pandangan Fadzil bahawa ulama hanya boleh dibahagikan kepada ulama dunia dan ulama akhirat dan menyifatkan pembahagian itu hanya berkaitan dengan istilah masing-masing.

Politik

Perdana Menteri yang berulang kali menggelarkan ulama song-sang sebagai ulama politik berkata, panggilan itu bagi menggambarkan orang yang bercakap tidak betul berkenaan dengan agama semata-mata kerana kepentingan politik.

"Mereka nak panggil ulama dunia atau akhirat terpulanglah, tetapi hakikatnya ada pelbagai jenis ulama, ada ulama yang betul-betul berpegang kepada ajaran Islam dan memberi tafsiran yang benar.

"Ada ulama yang kerana kepentingan politik mereka memberi tafsiran yang salah untuk menyokong pendirian mereka, jadi tidaklah salah kalau saya kata ada pelbagai jenis ulama," katanya.

Dr. Mahathir juga menolak dakwaan Fadzil bahawa kenyataannya mengenai ulama menunjukkan beliau terperangkap dengan Barat.

Perdana Menteri berkata, beliau akan membuat kenyataan menentang sesiapa yang membuat kesalahan pada bila-bila masa tanpa khuatir sama ada mereka kuasa besar atau sebaliknya.

Malah, kata beliau, ucapannya pada pada Sesi Khas Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (IC-

liknya beliau berkata: "Kalau tak makan cabai takkan merasa pedas melainkan kulit dah tebal tak tahu rasa apa, itu lain."

Katanya, mana-mana ulama yang didapati melanggar undang-undang juga boleh dikenakan tindakan tetapi yang lebih penting kumpulan ini akan menanggung dosa yang besar di akhirat kelak kerana menyesatkan umat Islam adalah dosa besar.

Mengenai definisi ulama seperti yang dibangkitkan oleh **Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupar)**, Perdana Menteri menjelaskan, ulama zaman dulu tidak dikenali kerana pakaian mereka atau ijazah yang diperoleh.

Sebaliknya mereka diiktiraf kerana ilmu agama yang mendalam walaupun tidak ada ijazah atau pengiktirafan secara rasmi diberi kepada golongan berkenaan.

Beliau kesal kerana pada zaman ini golongan muda yang baru menamatkan pengajian di pusat pengajian tinggi diiktiraf sebagai ulama semata-mata kerana mereka menjadi ahli persatuan ulama.

Menjawab soalan tambahan **Datuk Mustafa Ali (Pas-Dungun)**, Perdana Menteri berkata, pengetahuannya mengenai sejarah Islam dan perkembangan Islam mendapati ulama tidak menolak subjek-subjek yang tidak relevan dengan Islam.

"Sebab itu pada zaman dulu ramai yang dikenali sebagai ulama tetapi pakar dalam matematik, astronomi, sains dan lain-lain, itu adalah ulama yang sebenar," katanya.